Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 34 (4): 1693 - 1712 (2026)

SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES

Journal homepage: http://www.pertanika.upm.edu.my/

Ahmad Shawal Abdul Hamid: Satu Perbincangan Mengenai Kesahihannya Sebagai Pengarang *Hikayat Panglima Nikosa* (1876)

Nudra Shafini Halis Azhan[1]*, Mohd. Zariat Abdul Rani[1], Salmah Jan Noor Muhammad[1], and Muhd. Zulkifli Ismail[2]

[1]*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

[2]*Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

ABSTRAK

Kajian ini bertitik tolak daripada tulisan P.L. Thomas dan R.H.W. Reece yang antaranya mengandaikan bahawa nama "Ahmad Shawal Abdul Hamid" yang tercatat pada kolofon *Hikayat Panglima Nikosa* (1876) merupakan "probable author" bagi manuskrip tersebut. Andaian ini rata-ratanya diterima sebagai satu fakta yang sah dalam kajian-kajian ilmiah selepasnya. Penerimaan ini mengundang satu penelitian ilmiah mengenai "Ahmad Shawal Abdul Hamid". Justeru, kajian ini menggariskan dua objektif kajian. Pertama, untuk melakarkan biografi "Ahmad Shawal Abdul Hamid" dengan mengaitkan maklumat dirinya dengan aspek-aspek luar teks, dan kedua, merumuskan kedudukannya sebagai pengarang *Hikayat Panglima Nikosa*. Hasil analisis dapat menggambarkan bahawa "Ahmad Shawal Abdul Hamid" berkemungkinan dilahirkan di Bengkulu, Sumatera Barat pada sekitar dekad 1820-an atau 1830-an, sebelum merantau ke Singapura pada sekitar awal dekad 1840-an, dan akhirnya ke Kuching, Sarawak pada penghujung dekad yang sama. Gambaran ini memungkinkan "Ahmad Shawal Abdul Hamid" dibincangkan sebagai seorang munshi dalam pemerintahan Brooke, dan justeru mewajarkannya diaju sebagai pengarang *Hikayat Panglima Nikosa*.

Kata Kunci: Ahmad Shawal Abdul Hamid, *Hikayat Panglima Nikosa*, novel Melayu, sastera Melayu

ARTICLE INFO

Article history:
Received: 26 May 2026
Accepted: 29 June 2026
Published: 17 July 2026

DOI: https://doi.org/10.47836/pjssh.34.4.02

E-mail addresses:
nudraazhan@gmail.com (Nudra Shafini)
zariat@upm.edu.my (Mohd Zariat)
salmahjan@upm.edu.my (Salmah Jan)
zulismail@upm.edu.my (Muhd. Zulkifli)
* Corresponding author

ABSTRACT

This study stems from a writing by P.L. Thomas and R.H.W. Reece which assumed the name of "Ahmad Shawal Abdul Hamid" documented in the colophon of Hikayat Panglima Nikosa *(The*

e-ISSN: 2231-8534

© Universiti Putra Malaysia Press

Tale of Panglima Nikosa) (1876) as the "probable author" for the aforementioned manuscript. On average, this assumption was received as a valid fact in subsequent scholarly writings. This receipt invites a study to discuss on "Ahmad Shawal Abdul Hamid". This article outlines two objectives. Firstly, to sketch the biography of "Ahmad Shawal Abdul Hamid" by connecting his details with contextual background, and secondly, to summarise his position as the author of Hikayat Panglima Nikosa*. The analysis that was carried out depicted "Ahmad Shawal Abdul Hamid" was likely born in Bengkulu, West Sumatra around 1820s or 1830s, before outmigrated to Singapore around early 1840s, and later to Kuching, Sarawak by the end of the same decade. This depiction enables "Ahmad Shawal Abdul Hamid" to be discussed as a Munshi (teacher) in the Brooke government, and therefore proposed as the author of* Hikayat Panglima Nikosa*.*

Keywords*: Ahmad Shawal Abdul Hamid,* Hikayat Panglima Nikosa*, Malay novel, Malay literature*

LATAR BELAKANG

Dalam pembicaraan mengenai sejarah kesusasteraan Melayu khususnya genre novel, *Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan* menjadi antara novel yang dianggap oleh kebanyakan pihak sebagai "novel Melayu pertama" (Lockard, 1987; Mohamad Driss, 1985; Syed Othman, 1993; Thomas & Reece, 1983). Novel ini yang lebih dikenali sebagai *Hikayat Panglima Nikosa* (seterusnya *HPN*) diterbitkan pada tahun 1876. Manuskripnya ditemui oleh R.H.W. Reece (seterusnya Reece) pada tahun 1981 dalam koleksi pamplet Sir Hugh Low di Rhodes House Library (Reece, 1982, 37-38; 1995, 322). Pada tahun 1983, manuskrip ini ditransliterasikan kepada tulisan Rumi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, dan diterbitkan bersama-sama dengan tulisan Jawi asal dalam satu jilid. Pada kolofon manuskrip ini, tercatat beberapa maklumat penerbitan seperti lokasi, tarikh dan teknik percetakan, serta nama pengarang, seperti dalam petikan berikut, "Tercap di atas batu di dalam negeri Sarawak di Kuching di atas Bukit Persinggahan kepada 8 hari bulan Jamadil-akhir 1293 sanat kepada 30 hari bulan Jun tahun 1876. Adapun yang empunya pekerjaan ini dan mengecapnya Encik Ahmad Shawal bin Abdul Hamid" (Persatuan Kesusasteraan Sarawak, 1983, 44).

Sejak penerbitan semulanya pada tahun 1983, *HPN* mengundang pelbagai kajian ilmiah terutamanya apabila Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak (AKYBMS), iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO), berhasrat untuk mengajukan manuskrip ini sebagai warisan UNESCO. AKYBMS telah menganjurkan seminar berkaitan *HPN* secara tahunan sejak tahun 2014, dan pada tahun 2022, sebuah buku yang menghimpunkan makalah-makalah ilmiah mengenai manuskrip ini telah diterbitkan dengan judul *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid*. Selain seminar, usaha untuk mempromosikan manuskrip ini sebagai "warisan aktif" (dalam ertikata, warisan

yang sentiasa hidup dalam kalangan masyarakat) telah direalisasikan antaranya dengan pementasan "Panglima Nikosa Menjadi Raja" arahan Zakaria Manan pada 13 dan 14 Oktober 2023 bertempat di Dewan Masyarakat Beladin (Kalsum, 2023). Usaha untuk menghidupkan novel ini juga dilakukan oleh Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), yang menjadikan *HPN* sebagai salah satu teks wajib untuk kursus Kesusasteraan Borneo-Kalimantan (kod: PBS2024) sehingga sekurang-kurangnya tahun 2025 (Muhammad Qhidir, 2025).

Seiring dengan usaha untuk mengangkat kesignifikanan *HPN* ini, seperkara penting yang masih belum jelas dan justeru mengundang perbahasan menarik ialah persoalan tentang siapakah sebenarnya pengarang novel ini? Persoalan ini timbul apabila membaca pengenalan novel yang ditulis oleh Thomas dan Reece, yang jelas meragui bahawa nama yang tercatat pada kolofon itu (iaitu "Ahmad Shawal Abdul Hamid") merupakan pengarang novel. Thomas dan Reece lebih cenderung untuk menganggapnya sebagai satu "kemungkinan", sebagaimana yang dinyatakan dalam pengenalan ini, "...the *HPN*'s colophon mentions the *producer* but **not necessarily** the *writer* of the text" dan kemudiannya merujuk "Ahmad Shawal Abdul Hamid" sebagai "***probable*** author" (Thomas & Reece, 1983, 10 & 12). Justeru, apabila Thomas dan Reece mengajukan beberapa andaian mengenai maklumat peribadi "Ahmad Shawal Abdul Hamid" (selepas ini disebut sebagai "Ahmad Shawal"), tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa andaian-andaian ini lahir daripada keraguan mereka, seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut. Penting difahami pada tahap ini bahawa kedudukan "Ahmad Shawal" sebagai pengarang *HPN* adalah sesuatu yang belum muktamad, dan justeru mengundang perbahasan lanjut.

SOROTAN LITERATUR

Seperti yang tercatat dalam petikan di atas, Thomas dan Reece berpendapat bahawa nama "Ahmad Shawal Abdul Hamid" yang tercatat pada kolofon *HPN* tidak semestinya merujuk kepada pengarang. Sebaliknya, Thomas dan Reece meletakkan tugas mengenal pasti peranan "Ahmad Shawal" dalam penerbitan *HPN* ini kepada pembaca, sebagaimana katanya, "It must be left to the reader to decide whether Shawal had sufficiently mastered local usage to provide reading material for his students, or whether he simply undertook the task of preparing someone else's manuscript for publication" (Thomas & Reece, 1983, 10). Sehubungan itu, Thomas dan Reece antaranya mengandaikan bahawa "Ahmad Shawal" merupakan seorang Minangkabau yang bertugas sebagai jurutulis kepada James Brooke (Thomas & Reece, 1983). Andaian ini bertolak daripada memoir Margaret Brooke berjudul *My Life in Sarawak* (1913) yang antaranya mencatatkan kenangan bersama gurunya yang dipanggil "Inchi Sawal", iaitu catatan yang menjadi antara rujukan utama Thomas dan Reece dalam mengenal pasti "Ahmad Shawal" sebagai pengarang *HPN*. Berdasarkan maklumat-maklumat yang dibekalkan oleh Margaret

Brooke, Thomas dan Reece mengandaikan bahawa "Ahmad Shawal" berasal dari Bengkulu, Sumatera Barat. Thomas dan Reece juga menyatakan bahawa "Ahmad Shawal" meninggal dunia pada 2 Disember 1903. Kenyataan ini berbeza dengan kajian mereka sebelum itu, yang mengandaikan "Ahmad Shawal" meninggal dunia pada sekitar tahun 1910 (Reece & Thomas, 1982). Walau bagaimanapun, kemas kini tahun kematian ini kepada satu tarikh yang lebih khusus tidak diberikan justifikasi dan rujukan. Penting difahami bahawa soal "Ahmad Shawal" (yang tercatat pada kolofon novel) adalah individu yang sama dengan "Inchi Sawal" (yang disebut oleh Margaret Brooke), peranannya sebagai pengarang *HPN*, asal keturunan dan tarikh kematian, pada hakikatnya merupakan andaian-andaian yang dicetuskan oleh Thomas dan Reece. Lebih penting lagi, semua andaian Thomas dan Reece ini kemudiannya diterima oleh pengkaji-pengkaji seterusnya sebagai fakta yang sahih.

Penerimaan ini misalnya dapat diamati dalam kajian-kajian ilmiah yang menyatakan "Ahmad Shawal" sebagai pengarang *HPN* (Abdul Wahab, 2022; Awang Azman, 2010; Hamzah Hamdani, 2004; Irfan Nasrullah, 2023; Mohammad Driss, 1985; Rosnah Mustafa et al., 2025; Syed Othman, 1993). Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa tulisan yang meragui "Ahmad Shawal" sebagai pengarang *HPN*, seperti Walker (2005) dan Jeniri (2022). Walau bagaimanapun, keraguan ini didapati tidak menghalang kedua-dua kajian untuk mengetengahkan "Ahmad Shawal" sebagai pengarang *HPN* dalam perbincangan masing-masing. Selain itu, andaian Thomas dan Reece bahawa "Ahmad Shawal Abdul Hamid" berketurunan Minangkabau juga cenderung diterima sebagai satu fakta yang sahih dalam kajian-kajian oleh Nordi (2022), Jeniri (2022) dan Suffian (2022). Kajian Muhammad Qhidir (2022) memperkukuhkan andaian ini dengan menghujahkan bahawa "Ahmad Shawal" datang dari latar belakang pendidikan yang mengetengahkan pendidikan Islam. Selain itu, andaian Thomas dan Reece bahawa "Ahmad Shawal" berasal dari Bengkulu, Sumatera Barat juga cenderung diterima sebagai satu fakta (Abdul Wahab, 2022; Jeniri, 2022; Nordi, 2022; Suffian, 2022). Kajian Suffian (2022) menambah bahawa Bengkulu telah diperkenalkan dengan kegiatan percetakan seawal akhir abad ke-18 melalui penerbitan manuskrip seperti *Hikayat Nakhoda Muda*, dan kegiatan ini disifatkannya sebagai pengalaman intelektual yang membentuk pemikiran "Ahmad Shawal". Sorotan juga mendapati wujud kecenderungan untuk membandingkan "Ahmad Shawal" dengan Abdullah Munshi. Ini misalnya terlihat dalam kajian Walker (2005), Nordi (2022), Jeniri (2022), Abdul Wahab (2022), Suffian (2022), Muhammad Qhidir (2022) dan Sharifah Sofea (2022). Rata-rata kajian ilmiah ini cenderung berpendapat bahawa karya "Ahmad Shawal" bernada lebih lunak berbanding karya Abdullah Munshi. Nordi (2022) antaranya menambah bahawa kelunakan ini dimungkinkan oleh status "Ahmad Shawal" sebagai perantau di

Sarawak. Selain itu, perbandingan ini juga antaranya merujuk kepada peranan kedua-dua tokoh ini sebagai seorang jurutulis, guru bahasa kepada pegawai Eropah dan pengarang. Dalam konteks ini, menarik untuk dinyatakan bahawa Sharifah Sofea (2022) antaranya menyifatkan "Ahmad Shawal" sebagai "munsyi bagi pentadbiran Rajah Brooke" (kenyataan Sharifah Sofea sendiri).

Pada tahap ini, penting ditekankan bahawa di sebalik ketidakpastian yang dicetuskan oleh Thomas dan Reece, rata-rata kajian ilmiah sehingga kini menerima maklumat-maklumat mengenai "Ahmad Shawal" sebagai fakta yang sahih. Perbincangan lanjut mengenai dapatan kajian-kajian ini akan dilakukan dalam bahagian Analisis dan Perbincangan nanti. Pada tahap ini juga, tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa perbincangan khusus mengenai kesahihan "Ahmad Shawal" sebagai pengarang *HPN* belum pernah diusahakan secara khusus dan kritis. Kecuali makalah Jeniri yang terbit dalam *Suara Sarawak* yang berfokuskan sepenuhnya mengenai "Ahmad Shawal", tulisan beliau ini juga masih terbuka kepada kajian lanjut, khususnya mengenai kehidupan peribadi, peranan dan keperibadian. Hal ini mengundang kajian ini untuk mengumpul maklumat-maklumat sedia ada mengenai "Ahmad Shawal", serta mengaitkan konteks-konteks luar teks yang dijangka dapat meletakkan "Ahmad Shawal" dalam konteks yang lebih jelas dan pasti sebagai pengarang *HPN*, dan sekali gus diharap dapat menyumbang satu pengamatan ilmiah yang komprehensif.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini diusahakan bagi merealisasikan dua objektif. Pertama, melakarkan biografi "Ahmad Shawal Abdul Hamid" dengan mengaitkan maklumat-maklumat berkaitan dirinya dengan aspek-aspek luar teks, seperti aspek sosiobudaya, aspek sosioekonomi dan aspek sosiopolitik pada zaman kehidupannya. Kedua, merumuskan kedudukan "Ahmad Shawal Abdul Hamid" sebagai pengarang *HPN*.

PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menerapkan pendekatan kajian kepustakaan (*library research*) yang menggunakan tatacara sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan memanfaatkan sumber-sumber dokumen yang dapat dipercayai (*reliable*) seperti biografi/autobiografi, memoir, log jurnal, surat-surat peribadi, warta kerajaan, ensiklopedia dan buku-buku rujukan ilmiah. Kajian kepustakaan ini diyakini dapat menyediakan bacaan menyeluruh bagi mengenal pasti dan memahami konteks sejarah sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya pada zaman pemerintahan Brooke, terutamanya Rajah Brooke yang kedua, iaitu Charles Brooke. Kajian kepustakaan ini juga dijangka akan membolehkan kajian ini untuk menghubungkaitkan "Ahmad Shawal Abdul Hamid" dalam konteks sejarah tersebut, sekali gus merumuskan kedudukannya

sebagai pengarang *HPN*. Untuk itu, analisis dan perbincangan akan dibahagikan kepada lima komponen, iaitu komponen-komponen yang konvensional apabila membicarakan biografi seseorang tokoh, antaranya seperti (i) maklumat kelahiran, (ii) maklumat kematian, (iii) latar pendidikan, (iv) keperibadian, dan (v) peranan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam pengenalan *HPN*, Thomas dan Reece didapati mengaitkan "Ahmad Shawal" dengan "Inchi Sawal" yang disebut dalam *My Life in Sarawak* (1913) nukilan Margaret Brooke, iaitu isteri kepada Rajah Putih Sarawak yang kedua. Walau bagaimanapun, Thomas dan Reece tidak memperincikan justifikasi kepada perkaitan ini. Kajian ini berpendapat bahawa pertalian yang dapat dianggap mengaitkan "Inchi Sawal" yang dimaksudkan oleh Margaret Brooke dalam memoirnya dengan "Ahmad Shawal Abdul Hamid" yang tercatat namanya dalam *HPN* ialah kedua-dua "Inchi Sawal" dan "Ahmad Shawal Abdul Hamid" merupakan individu yang terlibat dengan kerja-kerja mengarang, dan berada di Kuching pada sekitar tahun 1876. Meskipun Margaret Brooke tidak menyatakan secara khusus nama "Ahmad Shawal Abdul Hamid" dalam memoirnya, kajian ini berpendapat bahawa gambaran "Inchi Sawal" sebagai seorang pakar sastera Melayu (diungkapkan oleh Margaret Brooke sebagai "*arbiter of Malay literature*") itu berkemungkinan menjadi asas kepada perkaitan yang dilakukan oleh Thomas dan Reece. Bagi mengelakkan kekeliruan, perbincangan ini akan menggunakan nama "Ahmad Shawal" bagi merujuk kepada "Inchi Sawal" yang diperkatakan oleh Margaret Brooke.

Dalam memoirnya ini, Margaret Brooke menjelaskan bahawa kecenderungannya untuk mempelajari Jawi antaranya didorong oleh keterbatasannya menyertai ekspedisi-ekspedisi Charles Brooke setelah melahirkan Bertram Brooke, yang memberikannya lebih banyak masa di Astana, sebagaimana katanya, "Bertram's arrival on the scene prevented me from taking as many expeditions with Rajah as before…It was during this period the idea came to me that it was a pity Malay women could not read or write their own language" (Ranee of Sarawak, 1913, 157). Adalah menarik untuk diamati bahawa Bertram Brooke lahir pada 8 Ogos 1876 di Astana Kuching, iaitu kira-kira hampir dua bulan selepas *HPN* dicetak. Dengan memahami garis masa ini, tidak keterlaluan untuk diandaikan bahawa pertemuan awal Margaret Brooke dengan "Ahmad Shawal" hanya berlangsung pada sekitar penghujung tahun 1876 atau awal tahun 1877.

Kelahiran

Sehingga ke hari ini dan sepanjang yang diketahui, hayat "Ahmad Shawal" belum pernah dapat dinyatakan dengan pasti, dan ini antaranya disebabkan oleh kekurangan sistem rekod bertulis pada ketika itu. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memanfaatkan beberapa catatan zaman itu untuk memetakan maklumat kelahiran "Ahmad Shawal". Dalam memoir Margaret

Brooke, "Ahmad Shawal" diperkenalkannya sebagai jurutulis untuk urusan-urusan dalam bahasa Melayu ketika pemerintahan Rajah Putih pertama, iaitu James Brooke, sebagaimana katanya, "Formerly he had been Malay writer to the late Rajah" (Ranee of Sarawak, 1913, 159). Justeru dapat diandaikan bahawa "Ahmad Shawal" berkemungkinan sudah berada di Kuching seawal tahun 1839, iaitu tahun pertama ketibaan James Brooke ke Sarawak.[1] Dalam memoir ini juga, "Ahmad Shawal" diingatinya sebagai seorang individu berbangsa Melayu yang berasal dari Sumatera, iaitu apa yang diungkapkannya sebagai "*a Sumatran Malay*", yang berbeza perwatakan dan fizikalnya daripada masyarakat Melayu Sarawak yang digelarnya sebagai "*our Malays*", sebagaimana katanya, "He [merujuk "Ahmad Shawal"] was a Sumatran Malay, and his face was rounder, his features rather thicker and his complexion darker than our Malays" (Ranee of Sarawak, 1913, 160). Hakikat bahawa Margaret Brooke membezakan "Ahmad Shawal" dengan Melayu Sarawak memberikan isyarat bahawa "Ahmad Shawal" bukan dari kalangan masyarakat tempatan. Dalam konteks ini, Craig Alan Lockard (seterusnya Lockard) berpendapat bahawa Melayu Sumatera di Kuching pada ketika itu memperlihatkan identiti tersendiri, dan ini barangkali dapat dianggap menjadi ukuran kepada Margaret Brooke dalam membezakan Melayu Sarawak dengan Melayu Sumatera (Lockard, 1987).

Thomas dan Reece mengembangkan kenyataan Margaret Brooke ini dengan mengandaikan bahawa "Ahmad Shawal" berketurunan Minangkabau dan berasal dari Bengkulu yang terletak di Sumatera Barat (Thomas & Reece, 1982 & 1983; Reece, 1993 & 1995). Walau bagaimanapun, andaian ini tidak diberikan justifikasi dan rujukan. Dalam soal ini, kajian ini berpendapat bahawa andaian Thomas dan Reece diasaskan pada sifat sosial suku Minangkabau yang terkenal dengan tradisi merantau.[2] Ini misalnya jelas apabila populasi masyarakat Sumatera di Kuching mencapai satu jumlah lumayan, khususnya di Kampong Gersik (Lockard, 1987). Perantau-perantau dari Sumatera ini terkenal dengan kemampuan intelektual dan telah mengukuhkan kedudukan dalam pentadbiran di Kuching dengan memegang jawatan-jawatan penting, antaranya seperti pegawai kastam, penterjemah dan jurutulis.

Bagi memahami kehadiran orang Sumatera dalam kerajaan James Brooke ini, penting dijelaskan bahawa pemerintahan James Brooke mengamalkan gaya "*indirect rule*", iaitu gaya yang memberikan autoriti

[1] James Brooke tiba di Kuching buat pertama kali pada tahun 1839 sebelum dilantik menjadi Gabenor Sarawak pada tahun 1841. James Brooke kali terakhir berada di Sarawak pada tahun 1863. Walau bagaimanapun, sehingga kematiannya pada tahun 1868, beliau kekal mentadbir sebagai seorang Rajah. Sila rujuk catatan setiausahanya, Spenser St. John (1879), *The Life of Sir James Brooke*, hlm. 358.

[2] Menurut Tsuyoshi Kato dalam bukunya berjudul *Matriliny and Migration: Evolving Minangkabau Traditions in Indonesia* (1978), orang Minangkabau dicirikan oleh tiga aspek sosial, iaitu (i) kesetiaan terhadap agama Islam, (ii) kepatuhan terhadap pegangan Adat Perpatih yang mengutamakan keturunan sebelah ibu (*matrilineal*) dan (iii) kecenderungan untuk keluar merantau ke luar negeri (Kato, 1978, 11).

minima kepada masyarakat tempatan, dan dalam masa yang sama mengekalkan kuasa pentadbiran dalam tangan pegawai Eropah (Naimah, 1999). Dalam tahun-tahun terawalnya, James Brooke cenderung dibantu oleh pegawai-pegawai kanan yang dilantik dari kalangan orang Eropah, dan ini termasuklah para penterjemah peribadi yang menampung kelemahannya yang tidak fasih berbahasa Melayu.[3] Naimah Talib (1999) dalam bukunya berjudul *Administrators and Their Service: The Sarawak Administrative Service under the Brooke Rajahs and British Colonial Rule* (1999) menjelaskan bahawa James Brooke menjalinkan kerjasama dengan para datu Melayu untuk melancarkan pentadbirannya, dan ini dapat diandaikan membuka ruang kepada kemasukan sejumlah penterjemah/ jurutulis Melayu dalam pemerintahannya.

Dalam soal ini, kajian ingin menarik perhatian terhadap andaian Reece bahawa James Brooke membawa masuk beberapa orang Melayu Sumatera pada tahun 1840-an, termasuk "Ahmad Shawal", untuk berkhidmat dalam kerajaannya, sebagaimana katanya, "Shawal was one of the handful of educated Minangkabaus brought over from Bencoolen on the west coast of Sumatra by James Brooke in the 1840s to work as clerks in his fledging government" (Reece, 1993, 22). Andaian Reece ini mengundang kepada penelitian lanjut terhadap sosiopolitik kerajaan Brooke. Dalam biografi James Brooke berjudul *The Life of Sir James Brooke: Rajah of Sarawak (From His Personal Papers and Correspondence)* (1879), James Brooke dikatakan kerap berulang-alik dari Kuching ke Singapura pada dekad 1840-an untuk menguruskan antaranya soal perlindungan politik kawasan pemerintahannya, soal pencerobohan lanun, dan soal kebangkitan suku peribumi yang menentang kehadirannya di Kuching. Selain itu, perjalanannya ke Singapura juga antaranya dimungkinkan oleh keperluan untuk mendapatkan asas-asas logistik, menghantar laporan pemerintahan, mengekalkan perhubungan rasmi dengan Empayar British di England, serta memanfaatkan wadah percetakan *The Singapore Free Press* di Singapura untuk merekodkan polisi pemerintahannya. Dapat dikatakan bahawa pada ketika itu, James Brooke kerap berulang alik antara Kuching dengan Singapura.

Dalam konteks ini, tanpa menafikan sepenuhnya andaian Reece, kajian ini lebih cenderung untuk berpendapat bahawa "Ahmad Shawal" dibawa masuk oleh James Brooke ke Kuching dari Singapura berbanding Bengkulu pada sekitar dekad 1840-an itu. Pendapat ini antaranya

[3] Ini menuntut James Brooke untuk mendapatkan penterjemah bagi melancarkan pentadbiran awalnya. Dalam sepucuk surat kepada ibunya bertarikh 10 Disember 1841, James Brooke menyebut tentang kehadiran seorang penterjemah bernama Thomas Williamson yang dibawa bersamanya ke Sarawak pada tahun 1839, sebagaimana katanya, "There is a little interpreter, called Williamson, country born, good tempered, but uneducated, a clerk, who, by misfortune and shipwreck, was reduced to great distress, who is a useful, pleasant, and trustworthy person" (Templer, 1853, 1, 141). Selepas kematian Williamson pada tahun 1846, tugas penterjemah digantikan oleh Spenser St. John sehingga tahun 1862, iaitu tahun terakhir James Brooke berada di Sarawak.

mempertimbangkan kemahiran "Ahmad Shawal" dalam mengendalikan teknik percetakan litografi, iaitu satu teknik baharu yang pada ketika itu dipelopori oleh Benjamin Keasberry di Singapura (Lee, 2023). Sekiranya latar belakang "Ahmad Shawal" dari suku Minangkabau dapat diterima, maka keberadaannya di Singapura dapat diandaikan sebagai satu kecenderungan sosial para lelaki dewasa Minangkabau, iaitu untuk merantau apabila telah mencapai usia tertentu. Dalam soal ini, penghujung dekad 1830-an dan awal dekad 1840-an antaranya memperlihatkan kecenderungan besar-besaran suku Minangkabau untuk merantau keluar dari Bengkulu kerana keadaan politik dan ekonomi yang tidak stabil, iaitu selepas kekalahan para ulama' dalam Perang Padri pada tahun 1837 (Dina et al., 2025).

Pada ketika itu, antara lokasi yang menjadi tumpuan perantau Minangkabau termasuklah Singapura, yang terkenal sebagai pusat perdagangan antarabangsa.

Dalam konteks ini, kelebihan Singapura pada dekad itu antaranya pernah dicatatkan oleh James Brooke dalam kertas cadangan pengembaraannya pada tahun 1838, "...it is proposed in the first instance to proceed to Singapore, which may be considered as head-quarters for the necessary intervals of refreshment and repose, and for keeping open a certain communication with Europe. Here the best local information can be obtained, interpreters procured, the crew augmented for any particular service; and here, if needful, a small vessel of native construction may be added to the expedition, to facilitate the objects in view" (Keppel, 1846, 377).[4] Dengan kelebihan yang sedemikian, tidak keterlaluan untuk diandaikan bahawa Singapura merupakan pusat tumpuan antarabangsa.

Dalam konteks inilah, kajian ini dapat membayangkan bahawa "Ahmad Shawal" sebagai seorang Minangkabau yang berasal dari Bengkulu, yang telah merantau ke Singapura pada sekitar awal 1840-an, sebelum dibawa masuk ke Kuching untuk menjadi jurutulis kepada James Brooke. Selain James Brooke, kedatangan para penterjemah/jurutulis dari luar Sarawak juga antaranya tercatat dalam pengalaman kapten-kapten British di Alam Melayu ketika itu, seperti Thomas John Cochrane (1789-1872), Rodney Mundy (1805-1904), dan Henry Keppel (1809-1904), yang pernah membawa penterjemah/jurutulis bagi mengisi keperluan pemerintahan James Brooke (Keppel, 1846; Mundy, 1848). Dalam soal ini, kemasukan sejumlah penterjemah/jurutulis dari luar Sarawak pada waktu pemerintahan James Brooke menjelaskan situasi seumpama ini sebagai sesuatu yang lazim, dan justeru, andaian bahawa "Ahmad Shawal" dibawa masuk oleh James Brooke ke Sarawak, dapat dianggap berasas.

Berdasarkan hujah-hujah ini, kajian ini mengajukan pandangan bahawa "Ahmad Shawal" merupakan orang Minangkabau yang lahir di Bengkulu, Sumatera Barat, pada

[4] Kenyataan ini terkandung dalam tulisan James Brooke berjudul "*Proposed Exploring Expedition to the Asiatic Archipelago*", yang disisipkan oleh Henry Keppel sebagai Apendiks Bil. 3 dalam bukunya berjudul *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido for the Suppression of Piracy* (1846)..

sekitar dekad 1820-an dan 1830-an. Selain itu, "Ahmad Shawal" berkemungkinan merantau ke Singapura pada sekitar dekad 1840-an, dalam usianya kira-kira 20-an (satu usia yang pada zaman itu dianggap telah cukup dewasa), dan dibawa ke Sarawak oleh James Brooke.

Kematian

Selanjutnya, kajian akan beralih kepada perbincangan mengenai maklumat kematian "Ahmad Shawal". Margaret Brooke mencatatkan bahawa "Ahmad Shawal" telah meninggal dunia di Kuching dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam berdekatan Sungai Sarawak, sebagaimana katanya, "…some years ago he was gathered to his fathers, and buried in the little Muhammadan cemetery I know so well" (Ranee of Sarawak, 1913, 163). Walau bagaimanapun, tahun kematian "Ahmad Shawal" tidak diperincikannya. Dalam soal ini, sorotan terhadap kajian-kajian ilmiah sebelum ini telah merumuskan perbincangan mengenai tahun kematian "Ahmad Shawal" kepada dua pendapat, iaitu (i) pada 2 Disember 1903, dan (ii) pada tahun 1884.

Merujuk kepada pendapat pertama, Thomas dan Reece (1983) mencatatkan seperti berikut, "Shawal died on 2 December 1903, leaving his estate in the hands of his son Abdul Hamid who seems to have spent it all" (Thomas & Reece, 1983, 14). Thomas dan Reece tidak menyertakan justifikasi dan rujukan kepada pendapat ini. Pendapat ini diulang dan diperkukuh dalam kajian Jeniri (2021 & 2022) dan Nordi (2022). Merujuk kepada pendapat kedua pula, Nordi yang sebelumnya bersependapat dengan Thomas dan Reece didapati mengubah pendapatnya kepada tahun 1884, sebagaimana katanya," …ASAH telah berpulang ke pangkuan Allah SWT setelah lapan tahun *HPN* dicetak (1876)" (Nordi, 2023, 4). Pendapat ini mengundang kepada penilaian semula kerana *Sarawak Gazette* bertarikh 1 Jun 1887 melaporkan bahawa "Ahmad Shawal" dan Abang Abdillah telah menyambut lawatan Margaret Brooke ke Sekolah Abang Kassim pada 18 Mei 1887. Justeru, pendapat Nordi yang menyatakan bahawa "Ahmad Shawal" meninggal dunia sekitar tahun 1884, sukar untuk dipertahankan.

Dalam konteks perbincangan ini, kajian Nordi (2022) mengusulkan pendapat bahawa "Ahmad Shawal" meninggal dunia ketika sedang bertugas di Kolej Kebangsaan Sarawak, sebagaimana katanya, "Ahmad Shawal" meninggal dunia pada 2 Disember 1903, ketika berkhidmat sebagai guru pertama dan tunggal di Kolej Kebangsaan Sarawak (Sarawak National School)" (Nordi, 2022, 3). Walau bagaimanapun, kenyataan ini juga sukar dipertahankan kerana Kolej Kebangsaan Sarawak (*Government Lay School*), merupakan projek pendidikan yang diasaskan kepada matlamat Charles Brooke untuk menyediakan pendidikan sekular kepada bangsa Melayu, India dan Cina dalam bahasa ibunda masing-masing.[5] Matlamat ini, sebagaimana yang

[5] Bagi mendapatkan gambaran mengenai sistem pendidikan di Kolej Kebangsaan Sarawak (*Goverment Lay School*, kemudiannya dinamakan semula sebagai *Sarawak National College*), sla rujuk antaranya tulisan Sabihah Osman. (1990).

dirangka dalam *Sarawak Gazette* bertarikh 1 November 1902, menuntut kepada kemasukan guru-guru dari Tanah Melayu, India dan China. Rangka cadangan ini kemudiannya direalisasikan apabila sekolah tersebut dibuka pada Julai 1903. Dalam konteks perbincangan inilah, pendapat Nordi yang menyatakan bahawa "Ahmad Shawal" meninggal dunia ketika sedang bertugas sebagai satu-satunya guru di Kolej Kebangsaan Sarawak, juga sukar untuk dipertahankan.

Pendidikan

Selanjutnya, kajian ini akan beralih kepada perbincangan mengenai latar pendidikan "Ahmad Shawal". Dalam memoirnya, Margaret Brooke menggambarkan "Ahmad Shawal" sebagai seorang individu beragama Islam yang taat dalam mengamalkan ajaran Islam (Ranee of Sarawak, 1913). Sekiranya hujah bahawa "Ahmad Shawal" berasal dari suku Minangkabau di Bengkulu dapat diterima, sistem pendidikan suku Minangkabau di Sumatera Barat yang berpusat di surau-surau memperlihatkan beberapa maklumat menarik, yang dijangka dapat menyokong gambaran mengenai "Ahmad Shawal" dalam memoir Margaret Brooke.

Azyumardi Azra dalam bukunya berjudul *Surau: Pendidikan Islam Tradisional dalam Transisi dan Modernisasi* (2003) menjelaskan bahawa suku Minangkabau terkenal dengan sistem pendidikan tidak formal yang dijalankan di surau-surau oleh para sheikh yang terdidik dari Mekah. Dalam kalangan suku Minangkabau, pendidikan agama Islam di surau menganjurkan sistem pembelajaran secara "*halaqah*" dan "*talaqqi*" (Azyumardi, 2003). "*Halaqah*" merujuk kepada sistem bimbingan kuliah yang menuntut guru untuk membacakan satu kitab kepada murid-muridnya yang duduk bersila di atas lantai mengelilinginya, dan murid-muridnya perlu mendengar dan mencatat maklumat-maklumat penting dalam kitab masing-masing (Azyumardi, 2003; Mhd. Ilham & Khilal, 2025). Manakala, "*talaqqi*" pula merujuk kepada sistem bimbingan secara individu yang menuntut murid-murid untuk menghadap guru dengan membawa kitab masing-masing (Azyumardi, 2003).

Sekiranya andaian latar pendidikan "Ahmad Shawal" dari surau-surau Bengkulu ini dapat diterima, maka catatan Margaret Brooke mengenai "Ahmad Shawal" sebagai seorang Muslim dapat difahami dari perspektif tersebut. Ini misalnya jelas melalui pengalaman Margaret Brooke melihat "Ahmad Shawal" menyediakan halwa limau kasturi dengan menyertakan puji-pujian kepada Allah SWT, selain menyembelih binatang ternakan untuk dijadikan sumber makanan (Ranee of Sarawak, 1913). Dalam soal ini, apabila Margaret Brooke menggambarkan "Ahmad Shawal" seakan-akan menyeringai (diungkapkan sebagai "*devil-may-care/ devil-me-care*") ketika menyembelih seekor lembu jantan (dilabelkannya sebagai

Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941, hlm. 50-54, serta tulisan Ooi Keat Gin. (2001). *Dunia di Seberang Sungai: Pendidikan di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Brooke Hingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah*, hlm. 44-47.

"*victim*"), gambaran ini menyerlahkan perspektif Margaret Brooke yang berbeza dengan "Ahmad Shawal" yang merupakan seorang Muslim. Dalam soal ini, perbezaan agama dapat diandaikan menjadi antara faktor yang menyukarkan Margaret Brooke untuk memahami penyembelihan binatang sebagai satu syariat dalam agama Islam.

Selain itu, dalam memoirnya ini juga, Margaret Brooke mencatatkan caranya mempelajari Jawi dengan cara mengulang semula perkataan-perkataan yang disebutkan oleh "Ahmad Shawal", sebagaimana yang dapat diamati dalam kutipan berikut, "My tutor pronounced a word, which I said after him. I found great difficulty in giving an adequate sound to the Arabic letter ع(*aing*), awkward for Europeans to pronounce" (Ranee of Sarawak, 1913, 161). Sekiranya hujah bahawa "Ahmad Shawal" berasal dari suku Minangkabau di Bengkulu dapat diterima, maka cara "Ahmad Shawal" menggurui Margaret Brooke dapat disusurgalurkan kepada tradisi keilmuan Islam yang telah sedia bertapak kukuh dalam kalangan suku Minangkabau di Bengkulu pada ketika itu. Menurut Azyumardi Azra, pendidikan agama Islam di surau lazimnya dimulakan dengan pengajian al-Quran, dengan keutamaan diberikan terhadap usaha menyebut huruf-huruf hijaiyah mengikut makhrajnya, sebagaimana katanya, "… permulaan semua pengajaran di surau bagi setiap *urang siak* [merujuk kepada murid-murid] adalah membaca al-Quran, dengan sedikit penekanan pada pemahaman, tetapi lebih pada intonasi dan ejaan yang benar bunyi dan huruf Arab," (Azyumardi, 2003, 99).

Keperibadian

Selanjutnya, perbincangan akan beralih kepada keperibadian-keperibadian "Ahmad Shawal". Dalam memoirnya, "Ahmad Shawal" dikenang oleh Margaret Brooke sebagai individu yang disenangi oleh ketua-ketua orang Melayu (para datu) di Sarawak pada ketika itu, sebagaimana katanya, "He was [merujuk "Ahmad Shawal"], of course, a Muhammadan, and had friendly relations with all the Malay chiefs of Kuching, by whom he was looked upon as a cultured man" (Ranee of Sarawak, 1913, 160). Sekiranya pertemuan Margaret Brooke dengan "Ahmad Shawal" dapat diterima berlangsung pada sekitar tahun 1876-1877, orang Melayu pada ketika itu diketuai oleh Datu Bandar Haji Bua Hassan, yang merupakan suami kepada Datu Isa.[6] Walaupun tiada catatan bertulis yang dapat menggambarkan kedekatan hubungan mereka, kajian ini berpendapat bahawa memoir Margaret Brooke menyerlahkan perkara ini melalui terpilihnya "Ahmad Shawal" dalam kalangan masyarakat tempatan untuk mengajar isteri pemerintah tertinggi kerajaan Sarawak, sekali gus membayangkan bahawa "Ahmad Shawal" merupakan individu yang namanya cenderung berada dalam perhatian datu-datu Melayu.

[6] Datu Isa merupakan antara individu yang akrab dengan Margaret Brooke. Dalam *My Life in Sarawak*, Margaret Brooke menulis penghargaan istimewa kepada Datu Isa.

Selain itu, Margaret Brooke juga menggambarkan "Ahmad Shawal" sebagai seorang individu yang beradat dan berbudi bahasa apabila beliau mengenang pemberian "halwa limau kasturi" [diungkapkan oleh Margaret sebagai "*delicious preserves with little half-ripe oranges*"] yang disediakan sendiri oleh "Ahmad Shawal" sempena menyambut perayaan tahun baharu, sebagaimana katanya" He was a wonderful confectioner, and made delicious preserves with little half-ripe oranges growing in orchards round Malay houses in the town. He sent me some of this preserve as a present for New Year's Day…" (Ranee of Sarawak, 1913, 160). Kesediaan "Ahmad Shawal" menunaikan permintaan Margaret Brooke untuk mempelajari cara menyediakan halwa limau kasturi itu jelas disenangi oleh Margaret Brooke.[7] Selain halwa limau kasturi ini, *Sarawak Gazette* bertarikh 1 Jun 1887 antaranya merekodkan berita mengenai "Ahmad Shawal" mencipta sebuah lagu untuk dinyanyikan oleh murid-murid Sekolah Abang Kassim ketika Margaret Brooke membuat lawatan rasmi ke sekolah tersebut, iaitu satu peristiwa yang dapat diandaikan lahir daripada keperibadian "Ahmad Shawal" yang beradat dan berbudi bahasa itu.

Seterusnya, tidak keterlaluan untuk diandaikan bahawa status Margaret Brooke sebagai isteri pemerintah kerajaan Sarawak itu tidak pula menjejaskan keperibadian "Ahmad Shawal" sebagai seorang guru. Andaian ini didasarkan kepada rasa hormat Margaret Brooke ketika mengenang "Ahmad Shawal" sebagai gurunya yang bersungguh-sungguh ketika mengajarkannya tulisan Jawi. Kesungguhan ini dapat diamati pada kaedah "*talaqqi*" yang digunakan oleh "Ahmad Shawal", yang memungkinkan Margaret Brooke untuk mendengar, mengulang dan mengukuhkan memori mengenai apa yang dipelajarinya, untuk kemudian disampaikan pula kepada wanita tempatan Sarawak yang pada ketika itu tidak digalakkan untuk mempelajari Jawi dan bertemu dengan lelaki bukan mahramnya. Dalam soal ini, kemampuan Margaret Brooke untuk memahami dan mengingati pelajarannya sehingga dapat disampaikan kepada wanita tempatan Sarawak dalam sela waktu yang berbeza itu menjelaskan betapa bersungguh-sungguhnya "Ahmad Shawal" memastikan pengajarannya difahami.[8] Dalam proses pengajian ini, kesukaran Margaret Brooke untuk menuturkan huruf *ghain* (غ) mengikut makhrajnya telah mengundang perasaan kurang senang "Ahmad Shawal". Sebagaimana yang dikupas sebelum ini, pendidikan Islam di surau (yang dihujahkan sebagai latar pendidikan "Ahmad Shawal"), antaranya menekankan pelajaran al-Quran terlebih dahulu, dengan keutamaan pengajaran ialah

[7] Halwa limau kasturi ini jelas menjadi antara kenangan yang mengukuhkan ingatan Margaret Brooke terhadap Ahmad Shawal apabila catatannya mengenai "Inchi Bakar", iaitu seorang lagi Melayu Sumatera yang menubuhkan sekolah Melayu di Kuching, menyatakan perbandingan berikut, "The profession of butcher fell into other hands, nor do I think that Inchi Bakar is an adept at cooking the little oranges of which I was so fond" (Ranee of Sarawak, 1913, 164).

[8] Sila rujuk Ranee Margaret of Sarawak. (1984). *Good Morning and Good Night*, hlm. 107.

untuk mengajar murid-murid menyebut huruf hijaiyah dengan tepat mengikut makhrajnya. Oleh itu, keprihatinan "Ahmad Shawal" dalam memastikan Margaret Brooke menyebut huruf *ghain* dengan tepat mengikut makhrajnya, dapat dikaitkan dengan pendidikan agama Islam yang pernah diterimanya.

Selain itu, "Ahmad Shawal" juga dapat diandaikan seorang guru yang berani apabila beliau dikatakan telah mencadangkan agar pelajaran Jawi dilakukan dengan mempelajari naskhah al-Quran, sebagaimana yang dicatatkan dalam memoir Margaret Brooke sebagai berikut, "One morning Inchi Sawal was more solemn than usual. "I [merujuk "Ahmad Shawal"] have spoken to the Datu Imaum about our lessons," he said, as he came into the room, "and he quite agrees that we should together study the Koran. I will bring the book wrapped in many clothes, and, if you [merujuk Margaret Brooke] do not object, we will wash our hands before we handle its leaves. We might do a little of the Koran before we begin our Malay lessons, which will put us in the proper frame of mind for the things we have to learn" (Ranee of Sarawak, 1913, 161-162). Dalam soal ini, cadangan "Ahmad Shawal" ini antaranya dapat diandaikan bertolak daripada pemahamannya mengenai sejarah kelahiran huruf-huruf Jawi yang berasal daripada huruf-huruf Arab al-Quran.[9] Dengan keeeratan tradisi ini, cadangan "Ahmad Shawal" membolehkan Margaret Brooke belajar menyebut huruf-huruf Jawi dengan tepat. Dalam konteks ini, penggunaan naskhah al-Quran itu dengan mudah dapat dianggap sebagai satu percubaan untuk menyebarkan risalah agama Islam kepada seorang Ranee berbangsa Inggeris dan beragama Kristian.[10] Walau bagaimanapun, keinginan Margaret Brooke untuk bergaul dan bertutur dalam bahasa Melayu dengan masyarakat tempatan membolehkan cadangan "Ahmad Shawal" ini direalisasikan.

Peranan dalam Pentadbiran Brooke di Sarawak

Selanjutnya, kajian akan beralih kepada peranan "Ahmad Shawal" di Sarawak. Sorotan sebelum ini telah merumuskan dapatan kajian-kajian ilmiah yang cenderung mengaitkan kedekatan pekerjaan-pekerjaan "Ahmad Shawal" dengan pekerjaan seorang "munshi", khususnya seperti yang dijalani oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1796-1854) di Singapura. Kajian ini berhasrat untuk mengembangkan perbincangan kajian-kajian ilmiah

[9] Sila rujuk syarahan inaugural Syed Muhammad Naquib al-Attas berjudul *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hlm. 40-41..

[10] Ini misalnya terjadi dalam sejarah pemerintahan Ratu Victoria (1819-1901). Pada tahun 1887, sambutan Jubli Emas pemerintahan Ratu Victoria telah membawa Abdul Kareem (1863-1909) ke England untuk menjadi pelayan meja makan Ratu Victoria. Abdul Kareem kemudiannya dilantik oleh Ratu Victoria sendiri untuk menjadi "munshi" bagi mengajar bahasa Urdu dan kebudayaan masyarakat di India, yang pada ketika itu merupakan salah satu jajahan England. Pelantikan ini menimbulkan rasa kurang senang kerabat diraja England kerana Abdul Kareem dianggap cuba untuk menyebarkan risalah agama Islam kepada seorang Ratu. Sila rujuk Shrabani Basu. (2010). *Victoria & Abdul: The True Story of the Queen's Closest Confidant*. The History Press..

terdahulu dengan mengamati secara komprehensif peranan "Ahmad Shawal Abdul Hamid" sebagai seorang "munshi". "Munshi" (منشی) merujuk kepada individu yang berkemahiran mengarang, dan lazimnya berperanan sebagai pegawai pentadbir/setiausaha, jurutulis dan kerani pentadbiran kerajaan (Platts, 1963). Dalam sejarah perintisannya dalam Empayar Mughal, para munshi berperanan untuk menyediakan dokumen-dokumen rasmi kerajaan, mewakili pemerintah dalam hubungan diplomatik dan menjadi pengantara kerajaan-rakyat (Muzaffar & Sanjay, 2004). Dengan kedatangan kolonial British ke India, status "munshi" bertukar apabila kolonial memberikannya peranan sebagai guru bahasa. Selain di India, keperluan terhadap "munshi" dalam kalangan kolonial antaranya turut signifikan di tempat lain, misalnya Abdul Kareem (1909-1863) yang berasal dari India dan bertugas sebagai munshi dan *confidante* kepada Ratu Victoria di England, serta Abdullah bin Abdul Kadir (1854-1796) yang berasal dari Melaka dan bertugas sebagai jurutulis kepada Stamford Raffles di Singapura. Berdasarkan perbincangan umum ini, seorang "munshi" pada dasarnya berperanan dalam kegiatan bahasa seperti mengarang, menterjemah, mengajar bahasa tempatan dan menerbitkan bahan bacaan. Dalam konteks inilah, "Ahmad Shawal" telah sedia dibandingkan secara umum dengan Abdullah Munshi (Abdul Wahab, 2022; Jeniri, 2022; Muhammad Qhidir, 2022; Nordi, 2022; Sharifah Sofea, 2022; Suffian, 2022; Walker, 2005). Perbincangan selanjutnya akan mengamati peranan "Ahmad Shawal", dan kemudiannya mengaitkannya sebagai seorang munshi dalam pemerintahan Brooke.

"Ahmad Shawal" diperkenalkan oleh Margaret Brooke sebagai seorang jurutulis di bawah pemerintahan James Brooke, yang berperanan untuk merekodkan urusan-urusan kerajaan dalam bahasa Melayu. Peranan ini memungkinkan kajian ini untuk mengandaikan "Ahmad Shawal" tahu berbahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan majikan kolonialnya, iaitu satu pengetahuan yang wajar jika andaian mengenai latar belakangnya dari Bengkulu dan pernah merantau ke Singapura dapat diterima. Selain itu, apa yang lebih jelas memperlihatkan "Ahmad Shawal" sebagai seorang "munshi" ialah peranannya sebagai guru bahasa kepada Margaret Brooke. Dalam konteks ini, "Ahmad Shawal" jelas bertanggungjawab dalam mengajarkan Jawi kepada Margaret Brooke. Pengalaman ilmiah ini telah melorongkannya kepada jawatan guru besar (*master*) di sekolah Melayu pertama yang dibiayai oleh kerajaan Sarawak, iaitu Sekolah Kampong Jawa.

Di sekolah ini, "Ahmad Shawal" mengetuai pentadbiran dengan bantuan Abang Abdillah, iaitu anak kepada Abang Kassim dan Dayang Sahada (Visit of Her Highness The Ranee, 1887). "Ahmad Shawal" juga dipercayai membentuk kurikulum persekolahan, dengan keutamaan silibus diberikan terhadap pembelajaran agama Islam dan al-Quran, sebagaimana kata Lockard, "The early classes met in his house [merujuk kediaman Abang Kassim].

However, responsibility for the curriculum and subsequent development largely belongs to Encik Sawal, the first headmaster… Religion constituted an important part of the curriculum with much of the morning devoted to reading and study of the Koran" (Lockard, 1987, 64). Dalam soal ini, Walker antaranya berpendapat bahawa *HPN* berkemungkinan digunakan sebagai antara teks pengajian di sekolah tersebut (Walker, 2005). Lockard juga membayangkan bahawa "Ahmad Shawal" merupakan individu berpendidikan yang sentiasa menjadi rujukan di Kuching pada ketika itu, apabila menyatakan seperti berikut, "After Sawal's death [merujuk "Ahmad Shawal"], ' Che Bakar [merujuk Encik Bakar] became the leading Malay intellectual in Kuching" (Lockard, 1987, 63).

Selain itu, "Ahmad Shawal" telah sedia dikenali sebagai pengarang dan pengecap *HPN*. Sehingga ke hari ini dan sepanjang yang diketahui, belum pernah ada satu nama lain diajukan dalam mana-mana kajian ilmiah sebagai pengarang dan pengecap novel ini. Justeru, kajian ini cenderung untuk berpendapat bahawa naskhah ini dikarang dan dicap oleh "Ahmad Shawal" sendiri. Ini antaranya dapat dijelaskan melalui beberapa hujah berikut. Pertama, sekiranya andaian bahawa "Ahmad Shawal" berasal dari Bengkulu yang merantau ke Singapura dapat diterima, maka adalah munasabah jika "Ahmad Shawal" sedia mempunyai pengetahuan mengenai karya-karya yang dikarang pada zaman itu seperti *Hikayat Nakhoda Muda* (1766/1788) yang terbit di Sumatera, serta *Kesah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1849) yang terbit di Singapura. Dengan pengetahuan ini juga, selain ditambahkan lagi dengan asas pendidikannya yang membolehkannya pandai membaca dan menulis, maka tidak mustahil jika akhirnya "Ahmad Shawal" terdorong untuk mengarang karyanya sendiri. Kedua, *HPN* dicetak secara litografi, iaitu satu teknik percetakan yang berbeza dengan *Sarawak Gazette* yang diterbitkan secara ceparas (*letterpress*).[11] Sekiranya hujah bahawa "Ahmad Shawal" pernah merantau ke Singapura sebelum tiba di Kuching dapat diterima, maka dapatlah diandaikan bahawa pengetahuan mengenai teknik litografi ini diperoleh "Ahmad Shawal" ketika berada di Singapura, iaitu ketika Benjamin Keasberry aktif mengajar teknik ini kepada para penulis tempatan.[12]

[11] *Sarawak Gazette* dicetak dengan menggunakan Albion Press, iaitu satu model mesin cetak ceparas buatan England, dan dibawa oleh Charles Brooke sendiri ke Sarawak. Sila rujuk tesis Ph.D Conrad Patrick Cotter berjudul "A Guide to the Sarawak Gazette, 1870-1965", hlm. 11. Sila rujuk juga *Sarawak Gazette* bilangan 1252 bertarikh 30 Jun 1962 yang memaparkan foto Albion Press yang digunakan untuk mencetak *Sarawak Gazette*.

[12] Merujuk kepada teknik litografi ini, adalah menarik untuk ditarik perhatian mengenai kajian Md. Sidin Ahmad Ishak berjudul "Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949" (1992) yang mendapati wujudnya sebuah syarikat percetakan di Sarawak pada sekitar awal tahun 1900-an, iaitu Lithographic Press, yang dimiliki oleh seorang individu bernama Bakar (Md. Sidin, 1992, 71). Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini (nota kaki bil. 7), Margaret Brooke ada mencatatkan tentang seorang individu yang bernama Inchi Bakar asal Sumatera yang menubuhkan sekolah Melayu di Sarawak. Sebagai seorang penubuh sekolah Melayu di Sarawak, dapat dikatakan bahawa Inchi Bakar

Berkenaan percetakan ini, Thomas dan Reece menyatakan bahawa kewangan "Ahmad Shawal" tidak memungkinkan beliau untuk mempunyai syarikat percetakannya sendiri, dan justeru menduga bahawa Margaret Brooke yang membiayai percetakan *HPN* (Thomas & Reece, 1983). Dugaan Thomas dan Reece ini mengundang kepada satu penelitian lanjut. Sebelum terbitnya *HPN*, "Ahmad Shawal" telah sedia diperkenalkan peranannya dalam pemerintahan James Brooke. Dengan peranan sedemikian, sukar untuk membayangkan bahawa "Ahmad Shawal" mengalami masalah kewangan untuk menggerakkan percetakan sendiri. Ini diperkukuhkan lagi dengan catatan Margaret Brooke yang membayangkan "Ahmad Shawal" sebagai tokoh yang disenangi oleh para datu Melayu, selain diperlukan oleh para pegawai Eropah untuk mengajar bahasa Melayu. Selain itu, penemuan Thomas dan Reece (1983) sendiri bahawa "Ahmad Shawal" meninggalkan harta berjumlah sekitar $5,000 dan estet kepada keturunannya itu dapat diandaikan memadai untuk menggambarkan "Ahmad Shawal" sebagai individu yang tidak memiliki masalah kewangan dalam hayatnya.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini berupaya melakarkan beberapa kemungkinan penting mengenai "Ahmad Shawal", dan kedudukannya sebagai pengarang *HPN*. Pertama, "Ahmad Shawal" berkemungkinan lahir pada sekitar tahun 1820-an atau 1830-an di Bengkulu, Sumatera Barat. Kedua, kemungkinan bahawa "Ahmad Shawal" meninggal dunia di Kuching pada 2 Disember 1903. Ketiga, kemungkinan "Ahmad Shawal" merupakan seorang Minangkabau dari Bengkulu dan menerima pendidikan agama di surau-surau di Bengkulu. Keempat, keperibadian-keperibadian "Ahmad Shawal" yang mengukuhkan latar belakangnya. Kelima, kemungkinan "Ahmad Shawal" bekerja sebagai seorang "munshi" untuk pemerintahan Brooke di Sarawak, seperti peranan Abdullah Munshi bin Abdul Kadir dalam pentadbiran kolonial British di Singapura. Kemungkinan-kemungkinan di atas penting dalam memperjelaskan latar belakang, keperibadian serta kewibawaan "Ahmad Shawal", iaitu nama yang selama

ini merupakan seorang yang berpendidikan. Wajar dijelaskan bahawa pada zaman tersebut kepandaian menulis dan mencetak adalah satu kemahiran yang jarang dimiliki. Justeru, dapat dibayangkan bahawa Inchi Bakar (yang disebut oleh Margaret Brooke) juga memiliki kepandaian tersebut. Jika Bakar yang memiliki Lithographic Press (Md. Sidin, 1992) dan Inchi Bakar penubuh sekolah asal Sumatera (yang dikenali Margaret Brooke) adalah orang yang sama, maka dapat disimpulkan bahawa orang Sumatera di Kuching pada zaman tersebut sudah mahir dengan teknologi percetakan litografi. Kesimpulan ini sekiranya dapat diterima, ianya memperkukuhkan lagi andaian yang dihujahkan sebelumnya bahawa "Ahmad Shawal" (penulis dan pencetak novel *Hikayat Panglima Nikosa*) juga mahir dalam teknik percetakan litografi, yang kemungkinan dipelajarinya ketika beliau berada di Singapura, setelah berhijrah keluar dari tempat asalnya di Sumatera. Justeru, dapat dikatakan bahawa "Ahmad Shawal" yang mencetak novel *Hikayat Panglima Nikosa* dan Inchi Sawal yang dikenali Margaret Brooke adalah orang yang sama, berdasarkan kepada fakta bahawa orang Sumatera sudah pun pandai mengendalikan teknologi litografi.

ini cenderung "diterima" sebagai pengarang *HPN*.

PENGHARGAAAN

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Putra Malaysia atas sokongan untuk menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

Al-Attas, S. M. N. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Wahab Hamzah. (2022). *Hikayat Panglima Nikosa*: Pemangkin perkembangan intelektual di Sarawak. Dlm. Mary Fatimah Subet (pytg.). *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* (hlm. 105-121). Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak. (2025). Mesyuarat Pencalonan Novel Melayu Pertama di Dunia: *Hikayat Panglima Nikosa* ke Memory of the World (UNESCO) Bil. 2/2025. https://melayusarawak.org.my/berita/mesyuarat-pencalonan-novel-melayu-pertama-di-dunia-hikayat-panglima-nikosa-ke-memory-of-the-world-unesco-bil-2-2025/

Awang Azman Awang Pawi. (2010). Transformasi sosial magnum opus Borneo: Teks dan konteks. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, *28*(1), 83-95.

Azyumardi Azra. (2003). *Surau: Pendidikan Islam tradisional dalam transisi dan modernisasi*. Logos Wacana Ilmu.

Basu, S. (2010). *Victoria & Abdul: The true story of the Queen's closest confidant*. History Press.

Cotter, C.P. (1966). A guide to the *Sarawak Gazette,* 1870-1965. [Tesis Ph.D, Cornell University]. https://www.pustaka-sarawak.com/eknowbase/attachments/1539764852.pdf

Dina Syarifah Nasution, Zulfikar Zulfikar & Sri Wahyuni Hasibuan. (2025). Intercultural communication strategy of Minang migrants in Panyabungan North Sumatera: Building harmony in diversity. *Journal of English Language and Education*, *10*(1), 590-602.

Hamzah Hamdani. (2004). *Hikayat Panglima Nikosa*: Pemula genre novel. Dlm. (Pynt.) Hamzah Hamdani & Siti Aisah Murad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden 1920-1940* (hlm. 44-55). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Irfan Nasrullah Jafli. (2023). *Hikayat Panglima Nikosa*: Analisis kesantunan berbahasa teori lakuan tuturan Leech (1983). *KEPULAUAN: Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu*, *1*(3). https://jurnalkepulauan.org.my/index.php/JurnalKepulauan/article/view/17/17

Jeniri Amir. (2021). Kenali Ahmad Shawal, penulis novel Melayu terawal Sarawak, berusia 145 tahun. *Suara Sarawak*. https://suarasarawak.my/ken1ali-ahmad-shawal-penulis-novel-melayu-terawal-sarawak-berusia-145-tahun/

Kalsum Mohammadin. (2023). Panglima Nikosa menjadi raja. *Suara Sarawak*. https://suarasarawak.my/panglima-nikosa-menjadi-raja/

Kato, T. (1978). *Matriliny and migration: Evolving Minangkabau Traditions in Indonesia*. Cornell University Press.

Keppel, H. (1846). *The expedition to Borneo of H.M.S. Dido for the suppression of piracy*. Chapman and Hall, 186 Strand.

Lee, G. (2023). The early history of printing in Singapore. *BiblioAsia*, *19*(3), 30-37.

Lockard, R.A. (1987). *From kampung to city: A social history of Kuching Malaysia 1820-1970*. Ohio University Centre for International Studies.

Md. Sidin Ahmad Ishak. (1992). *Malay book publishing and printing in Malaya and Singapore*

1807-1949 [Doctoral dissertation, University of Sterling]. Stirling Online Research Repository. http://hdl.handle.net/1893/31182

Mhd. Ilham & Khilal Syauqi. (2025). The history of Islamic education in Minangkabau: The impact of the Paderi Movement on the shift of scholarly orientation of Minangkabau ulama. *Tafkir: Interdisciplinary journal of Islamic education*, 6*(3)*, 637-652.

Mohammad Driss. (April 1985). Perkembangan kesusasteraan Malaysia di Sarawak: Satu pendekatan sejarah". *Dewan Sastera*, April, hlm. 67-74.

Muhammad Qhidir Mat Isa. (2022). Orientalisme dan intertekstualiti dalam novel Melayu pertama di dunia. Dlm. Mary Fatimah Subet (Ed.), *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* (hlm. 327-356). Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Muhammad Qhidir Mat Isa. (2025). Simposium bahasa, budaya dan sastera Nusantara: Pengukuhan program linguistik FPBK. https://gazette.unimas.my/2025/08/02/simposium-bahasa-budaya-dan-sastera-nusantara-pengukuhan-program-linguistik-fpbk/

Mundy, R. (1848). *Narrative of events in Borneo and Celebes, Down to the occupation of Labuan*. John Murray, Albermarle Street.

Muzaffar Alam & Sanjay Subrahmanyam. (2004). The making of a Munshi. *Comparative Studies of South East Asia, Africa and the Middle East*, *24*(2), 61-72.

Naimah Talib. (1999). *Administrators and their service: The Sarawak administrative service under the Brooke Rajahs and British colonial rule*. Oxford University Press.

New School. (1902). *Sarawak Gazette*, 209-210.

Nordi Achie. (2022). Dunia Melayu dalam kebobrokan zaman penjajahan Barat: Menelusuri gagasan dan falsafah Ahmad Shawal Abdul Hamid menerusi *Hikayat Panglima Nikosa*. Dlm. Mary Fatimah Subet (Ed.), *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* (hlm. 1-45). Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Nordi Achie. (2023). *Hikayat Panglima Nikosa*: Cerapan masa kini dan cerminan masa depan. *KEPULAUAN: Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu,* 1, 1-35.

Ooi Keat Gin. (2001). *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran pejabat tanah*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Persatuan Kesusasteraan Sarawak. (1983). *Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kesenangan*. Persatuan Kesusasteraan Sarawak.

Platts, J.T. (1963). *A dictionary of Urdu, classical Hindi and English* (2nd ed., Vol. 2). Sampson Low, Marston & Company.

Ranee Margaret of Sarawak, The. (1984). *Good morning and good night*. Richard Clay (The Chaucer Press) Ltd.

Ranee of Sarawak, The. (1913). *My life in Sarawak*. Methuen & Co. Ltd. Reece, B. (1982, June). Discovering Sarawak history. *Sarawak Gazette*, 31-39.

Reece, B. (1993). *Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak: Some reflections of his life and times*. Sarawak Literary Society.

Reece, B. (1995). Sarawak Fever. In *From Buckfast to Borneo (Essays presented to Father Robert Nicholl on the 85th Anniversary of his birth 27 March 1995)* (pp. 309-324). Sarawak Literary Society.

Reece, R.H.W. & Thomas, P. (1982). Early Malay writing in Sarawak: The *Hikayat Penglima Nikosa*. *Sarawak Gazette*, *CVIII (*1479), 3-8.

Rosnah Mustafa, Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil. (2025). *Hikayat Panglima Nikosa*: Analisis pemikiran pengarang berlandaskan teori SPB4K. *KEPULAUAN: Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu*, *5*(1). https://jurnalkepulauan.org.my/index.php/JurnalKepulauan/article/view/37/37

Sabihah Osman. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sharifah Sofea Wan Ahmad. (2022). Teori konservatif dalam Hikayat Panglima Nikosa: Gagasan perubahan ekonomi dan keseimbangan sosial untuk masyarakat Melayu Sarawak abad ke-19. Dlm. Mary Fatimah Subet (pytg.), *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* (hlm. 357-377). Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

St. John, S. (1879). *The life of Sir James Brooke: From his personal papers and correspondence*. William Blackwood and Sons.

Suffian Mansor. (2022). Penelitian pemikiran Ahmad Shawal dalam *Hikayat Panglima Nikosa* dalam konteks ruang dan masa. Dlm. Mary Fatimah Subet (pytg.), *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* (hlm. 122-140). Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Syed Othman Syed Omar. (1993). Ikhtisar perkembangan novel Melayu 1876-1959. *SARI*, 11, 13-46.

Thomas, P.L. & Reece, R. H. W. (1983). Introduction. In. *Hikayat Panglima Nikosa (The Story of Panglima Nikosa)*. Persatuan Kesusasteraan Sarawak.

Templer, J.C. (1853). *Private letters of Sir James Brooke, K.C.B. Rajah of Sarawak, narrating the events of his life from 1838 to the present time*. Volume 1. Richard Bentley, New Burlington Street.

Visit of Her Highness The Ranee to the Malay school. (1887, 1 Jun). *Sarawak Gazette*, hlm. 96.

Walker, J.H. (2005). *Hikayat Panglima Nikosa* and the *Sarawak Gazette*: Transforming texts in ninenteenth century Sarawak. *Modern Asian Studies*, *39*(2), 427-460.

Wayzgoose. (1962). *Sarawak Gazette*, hlm. 130-131.